

Persediaan Menyambut Ramadan

25 Mac 2022 / 22 Sya'ban 1443H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ
لَهُ .

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah Yunus ayat 58,

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قُلْ بِفَضْلِ اللَّهِ وَبِرَحْمَتِهِ فَبِذَلِكَ فَلْيَفْرَحُوا هُوَ خَيْرٌ مِمَّا يَجْمَعُونَ ﴿٥٨﴾

Yang bermaksud: “Katakanlah: Dengan kurnia Allah dan rahmat-Nya, hendaklah dengan itu mereka bergembira. Kurnia Allah dan rahmat-Nya itu adalah lebih baik dari apa yang mereka kumpulkan”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala

Kita berada pada hari-hari terakhir bulan Syaaban. Tidak lama lagi kita akan bertemu dengan bulan Ramadhan. Semoga Allah Subhanahu wa-Ta’ala memberikan kesempatan kepada kita untuk berada dalam bulan yang penuh dengan keberkatan.

اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي رَجَبٍ وَشَعْبَانَ وَبَلِّغْنَا رَمَضَانَ

Yang bermaksud: “Ya Allah, berkatilah kami pada bulan Rejab dan Sya’ban dan sampaikan kami ke bulan Ramadhan.”

Oleh itu, kita hendaklah membuat persediaan awal untuk menyambut kedatangannya. Amalan Rasulullah sallallahu alaihi wasallam dan para sahabat radiallah anhum dalam membuat persediaan menghadapi Ramadhan hendaklah menjadi contoh kepada kita semua. Mereka bersedia menyambut Ramadhan bukan memikirkan tentang makanan, minuman, juadah yang sedap lagi enak. Mereka membuat persediaan sebelum Ramadhan dengan menambah amal ibadat pada bulan syaaban sebagai latihan sebelum bertemu Ramadhan. Ibnu Rajab al-Hanbali berkata, “Adalah salafus soleh apabila berada pada bulan syaaban akan memperbanyakkan bacaan al-Quran sehingga apabila datang Ramadhan jiwa mereka dapat menerima begitu mudah untuk membaca kalam Allah.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Kita hendaklah menzahirkan kegembiraan apabila bulan Ramadan kunjung tiba kerana ia adalah bulan yang dipenuhi dengan rahmat Allah Subhanahu wa-Ta'ala dan keampunan-Nya. Memang patut kita bergembira kerana bulan Ramadhan bulan yang di buka pintu syurga, ditutup pintu neraka dan diikat syaitan. Setiap orang yang berakal pasti menunggu saat-saat ini kerana diri kita yang bergelumang dengan dosa amat mengharapkan keampunan dan rahmat Allah Subhanahu wa-Ta'ala. Bergembiralah dengan kedatangan bulan Ramadan apabila kita mendengar sabda Rasulullah sallallahu alaihi wasallam dalam hadis riwayat Imam Muslim:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Yang bermaksud: Barangsiapa yang berpuasa pada bulan Ramadhan dengan penuh keimanan dan pengharapan, maka akan diampunkan dosanya yang telah lalu

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Ambillah kesempatan untuk membesarkan kedatangan Ramadan dengan memperbanyakkan bercerita tentang kemuliaan bulan ini kepada ahli keluarga, jiran-jiran dan sahabat handai. Hadiahkan buku, risalah-risalah serta pesanan-pesanan berkaitan kelebihan bulan ramadhan melalui kemudahan laman sosial. Semoga setiap orang sentiasa membesarkan bulan yang mulia ini.

Berazamlah untuk mengisi waktu-waktu Ramadhan dengan ketaatan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala sebanyak-banyaknya.

Tunaikan solat tarawih dengan sempurna iaitu 20 rakaat secara berjemaah, banyakkkan membaca al Quran sekurang-kurangnya satu juzuk satu hari, berzikir, perbanyakkan bersedekah dan ibadat-ibadat yang lain. Hendaklah kita bermuhasabah agar kita tidak mengulangi kesilapan-kesilapan lalu kerana kita patut bimbang jika kita melalui bulan Ramadhan dalam keadaan Allah Subhanahu wa-Ta'ala tidak mengampuni dosa-dosa kita. Hayati peringatan Rasulullah sallallahu alaihi wasallam dalam hadis riwayat Ibnu Hibban:

إِنَّ جِبْرِيْلَ عَلَيْهِ السَّلَامُ أَتَانِي فَقَالَ مَنْ أَدْرَكَ شَهْرَ رَمَضَانَ فَلَمْ يُغْفَرْ لَهُ فَمَاتَ فَدَخَلَ النَّارَ فَأَبْعَدَهُ اللَّهُ قُلْ آمِينَ . فَقُلْتُ آمِينَ

Yang bermaksud: “Sesungguhnya Jibrail alaihi salam datang bertemu dengan aku dan berkata, Barang siapa yang bertemu dengan bulan Ramadhan dan tidak memperolehi keampunan daripada Allah Subhanahu wa-Ta'ala lalu dia mati maka dia akan dimasukkan ke dalam neraka. Jibrail berkata kepada ku katakanlah Amin, lalu aku berkata, Amin.”

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْقَنِينَ
وَالْقَنِاتِ وَالصَّادِقِينَ وَالصَّادِقَاتِ وَالصَّابِرِينَ وَالصَّابِرَاتِ
وَالْخَاشِعِينَ وَالْخَاشِعَاتِ وَالْمُتَصَدِّقِينَ وَالْمُتَصَدِّقَاتِ
وَالصَّائِمِينَ وَالصَّائِمَاتِ وَالْحَافِظِينَ وَالْحَافِظَاتِ وَالْحَافِظَاتِ

وَالذَّكِرِينَ اللَّهُ كَثِيرًا وَالذَّاكِرَاتِ أَعَدَّ اللَّهُ لَهُم مَّغْفِرَةً

وَأَجْرًا عَظِيمًا ﴿٣٥﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا
فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ،
إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ
لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ .